



TUANKU MUHRIZ TUANKU MUNAWIR dan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud berkenan melancarkan Buku USIM: Mempelopori Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli' dan Buku Integrasi Naqli dan Aqli di USIM, Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

Tuanku Muhriz sertai perasmian Dewan Tuanku Canselor USIM

SEREMBAN 4 Jun - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berkenan untuk berangkat dalam Lawatan Diraja dan Majlis Perasmian Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini hari ini.

Berangkat sama dalam majlis berkenaan Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan,

Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Canselor USIM dan Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz, Pro Canselor USIM.

Ketibaan baginda disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan isteri, Raja Datin Seri Salbiah Tunku Nujumuddin; Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Df. Abdul Shukor Husin dan Naib Canselor, Datuk Dr. Musa Ahmad.

Tuanku Aishah Rohani kemudiannya berkenan untuk menamakan dewan itu sebagai Dewan Tuanku Canselor sebelum melancarkan sembilan buah buku *Integrasi Naqli dan Aqli* serta *USIM: Menerajui Intergrasi Ilmu Aqli dan*



Reka bentuk keseluruhan bangunan Dewan Besar USIM ini adalah moden dengan nilai-nilai rekabentuk Islam bagi mencerminkan matlamat serta misi universiti untuk menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang progresif serta maju dalam bidang sains dan teknologi."

MUSA AHMAD
Naib Canselor USIM

Naqli yang diterbitkan oleh Penerbit USIM.

Pembinaan Dewan Tuanku Canselor di atas tapak berkeluasan hampir enam hektar dimulakan pada 13 Julai 2010 dan siap sepenuhnya pada 8 Ogos 2014 dengan

menelan belanja RM43.5 juta.

Tuanku Muhriz dan Tuanku Aishah kemudiannya berkenan menaiki bas untuk mengadakan Lawatan Diraja di sekitar kampus berkenaan sebelum menghadiri majlis santapan.

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan, Musa berkata dewan berkenaan adalah merupakan salah satu bangunan utama di universiti kerana majlis konvokesyen yang bersejarah dalam kehidupan pelajar, lazimnya akan diadakan di sini.

"Nilai-nilai senibina Islam diterapkan dalam rekabentuk luaran dan dalaman bangunan dengan menggunakan bentuk Arabesque yang juga terdapat pada logo USIM pada skrin di dinding dan beberapa struktur asas di dalam dewan ini.

"Reka bentuk keseluruhan bangunan Dewan Besar USIM ini adalah moden dengan nilai-nilai rekabentuk Islam bagi mencerminkan matlamat serta misi universiti untuk menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang progresif serta maju dalam bidang sains dan teknologi," katanya.